

India, Brazil wajar dijadikan model – Dr. M

MM-23/5/2006

KUALA LUMPUR 22 Mei – Kumpulan Negara 15 (G-15) disaran menjadikan India dan Brazil sebagai contoh terbaik dalam konteks membangunkan ekonomi negara masing-masing.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini kerana dua negara itu terbukti berjaya membangunkan ekonomi malah produk negara berkenaan dikenali di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, seperti India, negara kedua terbesar dari segi bilangan penduduknya di dunia, mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) serta kejuruteraan.

“India yang sebelum ini tidak terkenal dalam bidang ICT tiba-tiba muncul menjadi salah sebuah negara yang mempunyai kepakaran dalam bidang itu.

“Ia sebenarnya hasil daripada sumbangan rakyat India sendiri yang sebelum ini mahir dalam matematik,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis makan malam sempena persidangan kali ke-13 Persekutuan Dewan Perniagaan, Industri dan Perkhidmatan Negara G-15 di sini, malam ini.

Dr. Mahathir berkata, Brazil pula ketika ini cukup dikenali sebagai pengeluar produk industri berat.

Beliau berkata, walaupun ia hanya merupakan negara membangun tetapi usaha yang dilakukan dalam industri tersebut amat menakjubkan.